

**Akademi Sukan UPM Dipilih Bantu Atlet TLDM***Seorang perunding UPM sedang memeriksa fizikal pelatih atlet TLDM.*

SERDANG, 18 Dis – Lembaga Kawalan Sukan (LEKAS) Tentera Laut di Raja Malaysia (TLDM) telah memilih Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai perunding fizikal dan psikologi untuk atlet-atlet mereka pada tahun 2009 baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Akademi Sukan, Prof. Madya Dr. Muhammad Nazrul Hakim Abdullah berkata khidmat UPM kepada TLDM telah memasuki tahun ketiga sejak tahun 2007 untuk atlet sukan TLDM membuat persediaan kejohanan antarabangsa dan tempatan terutamanya acara perahu layar, bola tumpar dan lumba basikal.

"Akademi Sukan UPM juga akan mengendalikan 14 kursus sains sukan kepada atlet TLDM bagi tahun 2009 di mana enam kursus daripadanya ialah kursus baru dan 60 peratus kursus dibuat secara praktikal untuk menarik perhatian atlet TLDM," katanya dalam majlis perlantikan di sini.

Beliau berkata kursus tersebut seperti Kursus Pengurusan Berat Badan, Kecederaan Dalam Sukan, Pembangunan dan Peningkatan Kecemerlangan Sukan, Pemakanan dan Kecergasan Sukan, Kaunseling Sukan dan Sports Massage.

Atlet TLDM yang mewakili negara antaranya ialah Norazimah Mat Rased, pemenang pingat perak Kejohanan Judo Antarabangsa 2008; Ishak Jab dalam acara Perahu Layar dan Mohd Nor Ridzuan Zainal dalam acara lumba basikal.

Akademi Sukan UPM turut dipilih sebagai perunding fizikal dan psikologi kelab bola sepak Felda United yang bakal bersaing dalam Liga Perdana musim 2009.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.